




KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS MOT

Tahun 2021



“ Memegang portfolio besar di MOT di saat berdepan pandemik COVID-19 pastinya sukar namun dengan semangat kerja berpasukan di sini, ia berjalan lebih lancar dalam usaha menjadikan industri pengangkutan kekal bertahan. Saya gembira dapat bekerja bersama pasukan dalam MOT walaupun berdepan dengan keadaan serba mencabar ”

JANUARI HINGGA DISEMBER 2021

PENCAPAIAN

YB DATUK SERI IR DR WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

Pengangkutan Mampan Nadi Pembangunan Negara

Sustainable Transport the Heart Of National Development



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS MOT

Tahun 2021



5 JAN
Projek Pembangunan
Litar Latihan dan
Ujian Memandu
MS.01

18 JAN
Bantuan Permai
MS.01

29 JAN
Pengecualian bagi
tujuan memperbaharui
Lesen Memandu &
Lesen Kenderaan Motor
Persendirian
MS.01

3 APR
Lawatan Pemeriksaan
Ketersediaan Operasi
Bahagian Fasa 1 MRT2
Laluan Putrajaya
MS.05

1 APR
Majlis
Menandatangani
Konvensyen IALA
MS.04

5 APR
Projek Laluan Rel
Pantai Timur
(ECRL)
MS.05

6 APR
Majlis Tandatangan
Nota Kerjasama
Antara KKM & MOT
MS.06

20 MEI
Kapasiti 50% penumpang
& penyesuaian frekuensi
pengangkutan awam
darat serta laut
MS.09

20 MEI
Tempoh lanjutan
lesen belajar
memandu selama
9 bulan
MS.09

24 MEI
Perasmian Webinar
Perkongsian
Pengalaman Dalam
Pembangunan
High Speed Rail
MS.09

26 MEI
Nahas insiden LRT
MS.10

PENCAPAIAN

YB DATUK SERI IR DR WEE KA SIONG | MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

11 FEB

Laporan hasil akhir & pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020

MS.02

15 FEB
Bantuan Prihatin
MS.0225 FEB
Pelancaran 3 garis panduan dron
MS.025 MAC
Pencapaian MOT
MS.03

30 MAC
Kesalahan pengubahsuaian tanpa kebenaran ekzos motosikal

MS.04

26 MAC
Pengecualian bagi tujuan memperbaharui Lesen Memandu & Lesen Kendaraan Motor Persendirian

MS.04

26 MAC
MyRail5
MS.03

16 MAC
Convention on the International Organisation for Marine Aids to Navigation
MS.03

9 APR
Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya P-Hailing

MS.06

11 APR
Tren DMU Menggantikan Perkhidmatan Tren Diesel Konvensional KTM Intercity
MS.06

16 APR
Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 Stesen Sentral Kuala Lumpur
MS.07

19 APR
Program Pembangunan Industri Rel (RIDP)
MS.07

18 MEI
Yan, Kedah Diisyithar Sebagai Sebuah Pelabuhan

MS.08

7 MEI
Tempoh Sah Lesen Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam & Kenderaan Perdagangan Dilanjutkan
MS.08

5 MEI
Sumbangan juadah berbuka puasa kepada warga MOT, JPJ, RELA & lain-lain petugas di MOT
MS.08

28 APR
Majlis Penghantaran Kuih Raya kepada Pelaut
MS.07

27 MEI
Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF)

MS.10

17 JUN
Pengoperasian Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak
MS.10

25 JUN
MOT, MOSTI Dan KKM Berkolaborasi Dalam Program Pemberian Vaksin Bagi Sektor Pengangkutan
MS.11

30 JUN
Pelancaran Manual Sistem Pengurusan Antirasuah MOT
MS.11





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS MOT

Tahun 2021



26 JUL
Program Vaksinasi
Barisan Hadapan
bagi Sektor
Pengangkutan

MS.12

30 OGS
YB Datuk Seri Ir. Dr.
Wee Ka Siong,
Menteri
Pengangkutan &
YB Dato' Henry Sum
Agong, Timb. Menteri
Pengangkutan

MS.12

29 SEPT
Penyerahan Kunci
Bangunan Ibu Pejabat
GPMS Di Atas Tanah
Milik RAC

MS.13

18 NOV
Pelancaran Aplikasi
MyLogistik

MS.18

10 NOV
Majlis Sambutan
50 Tahun
Malaysia - IMO

MS.18

18 NOV
Pelancaran Pelan
Strategik MOT
2021-2025

MS.18

22 NOV
Pelancaran Pas
Keluarga Malaysia

MS.19

10 DIS
Malaysia Telah Berjaya
Dipilih Menduduki Kerusi
Ahli IMO

MS.23

8 DIS
Pengiktirafan
Anugerah Projek
terowong Terbaik di
London

MS.23

18 DIS
Program
Pembangunan
Pemandu Kenderaan
Perdagangan
MyLesen GDL 2.0


MS.24

19 DIS
Melawat
Mangsa-Mangsa Banjir
di Stesen LRT Putra
Heights

MS.24

PENCAPAIAN

YB DATUK SERI IR DR WEE KA SIONG | MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA





Projek Pembangunan Litar Latihan dan Ujian Memandu Dapat Melahirkan Pemandu Kenderaan Motor Yang Kompeten Dan Selamat

5 Januari 2021

Pelaksanaan projek pembangunan "Litar latihan dan Ujian Memandu" di Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia (APJM), Melaka dapat digunakan sebagai kemudahan latihan asas, pertengahan dan lanjutan untuk menghasilkan standard tenaga pengajar serta penguji yang kompeten lagi profesional setanding dengan negara-negara maju seperti China, Jepun, Korea dan Singapura. Selain itu, secara tidak langsung ianya juga dapat memperkasakan pelaksanaan sistem pentaulahan serta akreditasi pengajar dan penguji pemandu yang merangkumi Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), penarafan akreditasi dengan badan professional serta perlaksanaan *refresher course* kepada penguji dan pengajar serta pemandu kenderaan komersial.

Bantuan PERMAI

18 Januari 2021

PERMAI ini akan memberi satu keleagaan dan nafas baharu kepada rakyat Malaysia secara menyeluruh khususnya kepada pemain-pemain dalam industri pengangkutan dalam mengharungi waktu sukar akibat pandemik COVID-19.



Pengecualian bagi tujuan perbaharui Lesen Memandu (LM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) persendirian

29 Januari 2021

YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, telah memaklumkan di dalam siaran medianya bahawa semua pemilik kenderaan persendirian diberi pengecualian bagi tujuan memperbaharui Lesen Memandu (LM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) berkuatkuasa 1 Februari hingga 31 Mac 2021.

Namun, para pemandu diingatkan untuk memastikan kenderaan mereka memiliki perlindungan insurans yang sah serta menunjukkan salinan sijil perlindungan (*e-cover note insurans*) mereka kepada anggota penguatkuasa sekiranya diminta.

Laporan Hasil Akhir dan Pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014–2020

11 Februari 2021

Aspek keselamatan pengguna di jalan raya merupakan satu perkara yang amat diambil berat oleh Kerajaan dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Berdasarkan statistik tahun 2010 hingga 2019 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, secara puratanya, lebih daripada 500 ribu kes kemalangan jalan raya telah dilaporkan melibatkan hampir 7 ribu kematian pada setiap tahun.



Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Bantuan PRIHATIN

15 Februari 2021

Penerima PRIHATIN 2020 layak mendapatkan bantuan tunai "ONE OFF" RM500 di bawah pakej PERMAI tanpa melalui saringan kelayakan.

Bantuan ini memberi manfaat kepada seramai 110,000 pemandu teksi, bas sekolah, bas persiaran, kereta sewa dan kenderaan e-hailing sepenuh masa yang layak.

Pelancaran tiga (3) garis panduan Dron

25 Februari 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui agensi pengawalseliaan penerbangan, Pihak Berkusa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengumumkan pelancaran tiga garis panduan (CAD) baharu pesawat tanpa pemandu atau lebih dikenali sebagai dron (UAS) di Malaysia yang berkuatkuasa 1 Mac 2021. Ia adalah seperti berikut;

- 1) CAD 6011 Bahagian (I) - Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO);
- 2) CAD 6011 Bahagian (II) - Operasi Pertanian UAS (AGR); dan
- 3) CAD 6011 Bahagian (V) - Projek UAS Khas (SUP)

ORGANISASI LATIHAN JURUTERBANG KAWALAN JAUH (RPTO)

CIVIL AVIATION DIRECTIVE (CAD) INI TERPAKAI KEPADA SEMUA ORGANISASI LATIHAN JURUTERBANG KAWALAN JAUH YANG BERHASARAT UNTUK MENJADI ORGANISASI LATIHAN YANG DILULUSKAN OLEH CAAM.

SKIM REMOTE PILOT CERTIFICATE OF COMPETENCY (RCoC-B) MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK:

OPERASI-OPERASI PERTANIAN

- RCoC-B boleh digunakan untuk operasi VLOS 'selain daripada aktiviti pengangguran'. (Contohnya; pemantauan, pemetaan dan lain-lain.)
- Jika RCoC-B digabungkan bersama Modul 2 (AGR), pemegang sijil boleh menjalankan operasi yang meliputi operasi pengangguran dan memenuhi keperluan-keparluan yang ditetapkan.
- Jika RCoC-B digabungkan bersama Modul 1 (EVLOS), pemegang sijil boleh menjalankan operasi yang melibatkan pangoperaisan penerbangan secara perhubungan visual secara langsung diperlengkapkan (EVLOS) yang meliputi operasi-operasi selain pengangguran.

PROJECT KHAS UAS

- Jika RCoC-B digabungkan bersama Modul 1 (EVLOS), pemegang sijil boleh menjalankan pangoperaisan penerbangan secara VLOS diperlengkapkan (EVLOS).
- Jika diperlukan oleh SORA, RCoC-B hendaklah digabungkan bersama modul tambahan yang dicadangkan oleh RPTO atau operator sistem kapal udara tanpa pemandu (UAS) yang boleh diterima oleh CAAM.

KATEGORI SPESIFIK

- RCoC-B boleh digunakan untuk kesemuanya operasi VLOS dibawah STS atau PDRA yang diberikan.
- Jika RCoC-B digabungkan bersama Modul 1 (EVLOS), pemegang sijil boleh menjalankan pangoperaisan yang melibatkan penerbangan secara VLOS diperlengkapkan (EVLOS).
- Jika diperlukan oleh SORA, RCoC-B hendaklah digabungkan bersama modul tambahan yang dicadangkan oleh RPTO atau operator sistem kapal udara tanpa pemandu (UAS) yang boleh diterima oleh CAAM.

Note: Hanya terpakai apabila CAD 6011 diberikan.



Pencapaian MOT

5 Mac 2021

Sidang Media Khas Pencapaian Malaysia Prihatin Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah diadakan pada 5 Mac 2021 bertempat di foyer Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Sidang media ini adalah untuk menguar-uarkan pencapaian yang telah dilakar sepanjang YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong memegang jawatan sebagai Menteri Pengangkutan Malaysia.



Keselamatan dan Kecekapan Pelayaran Maritim Dipertingkat Menerusi "Convention on the International Organisation for Marine Aids to Navigation"

16 Mac 2021

Sebagai sebuah negara penandatangan, Malaysia komited untuk memastikan Konvensyen IALA sebagai kunci dalam usaha meningkatkan keselamatan navigasi laluan pelayaran, manakala sebagai sebuah Negara Pesisir Selat serta Coastal State di Selat Melaka, Malaysia berkeyakinan dan berupaya dalam memainkan peranan yang lebih utama (*significant*) untuk menerajui piawaian alat bantuan pelayaran yang berteknologi moden yang lebih selamat dan efisien untuk pelaut dan maritim antarabangsa di peringkat serantau dan antarabangsa. Akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia, ini merupakan kali pertama bagi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menandatangani Konvensyen di luar Perancis, di mana *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authority* (IALA) telah menjadi tuan rumah.



MyRail5

26 Mac 2021

Pengguna Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) boleh mendapatkan pas perjalanan bulanan tanpa had RM5 atau dikenali sebagai MyRail5 mulai 30 Disember 2020. Inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan ini adalah khusus untuk pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 serta golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Penggunaan pas itu akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021.

Pengecualian bagi tujuan perbaharui Lesen Memandu (LM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) persendirian

26 Mac 2021

Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersyarat dan PKP Pemulihan masih dilaksanakan, Kementerian Pengangkutan Malaysia mengambil keputusan melanjutkan pengecualian bagi tujuan perbaharui Lesen Memandu (LM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) Persendirian yang berkuatkuasa mulai 1 April hingga 31 Mei 2021 bertujuan mengelakkan kesesakan di tempat awam serta memutuskan rantaian jangkitan wabak COVID-19.

**PENGECUALIAN BAGI TUJUAN PERBAHARUI
LESEN MEMANDU (LM) DAN
LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) PERSENDIRIAN
DARI 1 APRIL - 31 MEI 2021**

 Kenderaan memiliki perlindungan insurans yang sah

 Bawa salinan sijil perlindungan (e-cover note insurans) dan tunjukkan kepada anggota penguatkuasa sekiranya diminta

INDIVIDU YANG LM DAN LKM MEREKA TAMAT TEMPOH

1 Februari - 31 Mac 2021 Hendaklah memperbaharui LM dan LKM masing-masing dalam tempoh 60 hari bermula 1 April - 31 Mei 2021	1 April - 31 Mei 2021 Hendaklah memperbaharui LM dan LKM masing-masing dalam tempoh 60 hari bermula 1 Jun - 31 Julai 2021
--	---

Dua pendekatan bagi kesalahan pengubahsuaian tanpa kebenaran ekzos motosikal :

1 Melalui pengeluaran Notis Temu Siasat, di bawah Seksyen 114(1), Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 bagi membolehkan JJP melakukan siasatan dan pengumpulan maklumat berkaitan kesalahan pengubahsuaian tanpa kebenaran ekzos motosikal.

2 Melalui pengeluaran Notis Arahan Periksa Kenderaan, di bawah Seksyen 61(1), Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Notis Larangan Penggunaan kenderaan (Notis PG1), di bawah Seksyen 59(1), Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

 wee ka siong @diweekasiong

Kesalahan pengubahsuaian tanpa kebenaran ekzos motosikal

30 Mac 2021

Bagi memastikan persekitaran terpelihara daripada pencemaran alam serta bunyi, orang ramai diingatkan bahawa pengubahsuaian ekzos kenderaan motor tanpa kebenaran adalah menjadi satu kesalahan, dan boleh dikompaun tidak lebih RM300, atau jika disabitkan kesalahan di mahkamah, pesalah boleh didenda di bawah Seksyen 119, APJ 1987, dan denda tidak lebih RM2,000, atau boleh dipenjara tidak lebih 6 bulan.

Majlis Menandatangani Konvensyen IALA

1 April 2021

Majlis Menandatangani Konvensyen International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA) oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong yang telah diadakan pada 16 Mac 2021 di Putrajaya






Lawatan Pemeriksaan Ketersediaan Operasi Bahagian Fasa 1 MRT2 Laluan Putrajaya

3 April 2021

Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Timbalan Menteri Kewangan, YB Datuk Abd Rahim Bakri pada hari ini telah memeriksa ketersediaan operasi bagi bahagian Fasa Satu MRT Laluan Putrajaya yang dijadualkan akan dibuka pada Ogos 2021. YB Menteri dan YB Timbalan Menteri bersama-sama memulakan lawatan mereka dari Stesen MRT Sri Damansara Sentral dan mengakhiri lawatan sehingga Stesen MRT Kampung Baru.

Bahagian Fasa Satu dari Stesen MRT Kwasa Damansara ke Stesen MRT Kampung Baru adalah sepanjang 17.5km dan kemajuan pembinaan telah 97% siap. Baki 3% terdiri daripada aktiviti pengujian dan pentaluhan sistem mekanikal dan elektrikal. Jajaran MRT Laluan Putrajaya dari Kampung Baru ke Putrajaya Sentral akan dibuka pada Fasa Dua dijangka Januari 2023.



Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

5 April 2021

Setelah mengambil kira hasil perbincangan dan permuafakatan dengan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dengan projek ECRL seperti kerajaan-kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pemain industri, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah membuat keputusan untuk mengubah semula jajaran Seksyen C ECRL. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 2 September 2020 telah meluluskan jajaran tersebut. Pada 31 Mac 2021 yang lalu, status kemajuan projek ECRL telah dimaklumkan kepada Jemaah Menteri dan sekali lagi Kabinet mahu pelaksanaan seksyen C ECRL dilaksanakan serta-merta.



Majlis Tandatangan Nota Kerjasama Antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

6 April 2021

Melalui Nota Kerjasama ini, kedua-dua kementerian akan membentuk Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja bagi merangka dan melaksanakan program-program yang menggunakan pendekatan "whole of government approach" dan "whole of society approach". Menerusi Nota Kerjasama ini juga, Program Pembangunan Modal Insan KKM akan dijalankan dengan agensi di bawah MOT, khususnya oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melibatkan pentaulahan pemandu ambulans menerusi pembangunan kompetensi yang merangkumi pembangunan modul, latihan, kursus, penilaian dan penyelidikan berkaitan serta kerjasama dalam pelaksanaan program *cross fertilization* dan *On The Job Training* (OJT) yang melibatkan bidang kejuruteraan automotif.



Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya P-Hailing

9 April 2021

Kerajaan mengambil inisiatif dalam meningkatkan kesedaran mengenai penunggangan motosikal dengan mematuhi peraturan jalan raya seterusnya mengurangkan risiko berlakunya kemalangan jalan raya melibatkan penunggang serta memajukan sektor perkhidmatan ini.

Tren Diesel Multiple Unit (DMU) Menggantikan Perkhidmatan Tren Diesel Konvensional KTM Intercity

11 April 2021

Tren DMU diperkenalkan khusus untuk menggantikan perkhidmatan tren diesel konvensional KTM Intercity bagi jajaran Pantai Timur bagi sektor Tumpat – Kuala Lipis. Tren DMU mempunyai empat koc setiap unit dilengkapi dengan fasiliti moden seperti skrin LED, soket kuasa, ruang solat, tandas, bistro dan ruang menyimpan barang. Tren DMU juga mesra OKU, iaitu mempunyai empat tempat duduk dan tandas yang memenuhi keperluan penumpang OKU. Larian komersial tren DMU akan dijalankan secara berperingkat dan larian pertama tren bermula pada hari ini, 11 April bagi laluan Tumpat – Gua Musang dan Gua Musang – Kuala Lipis.





Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 Stesen Sentral Kuala Lumpur

16 April 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama komuniti KL Sentral dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-20 Stesen Sentral Kuala Lumpur.

Semua pemegang taruh perlu bekerjasama mengikut keperluan semasa dan memastikan berteraskan pengangkutan yang memacu aktiviti ekonomi komuniti setempat.

Program Pembangunan Industri Rel (RIDP)

19 April 2021

Dalam usaha untuk mengenal pasti dan meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di dalam sektor rel, sebanyak lapan PKS telah dipilih untuk menyertai Program Pembangunan Industri Rel (RIDP) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) dan SME Corp. Malaysia dan melalui National Rail Centre of Excellence (NRCOE) dan Technology Depository Agency Berhad (TDA).



Majlis Penghantaran Kuih Raya kepada Pelaut-Pelaut

28 April 2021

Program ini diuruskan oleh Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL) secara tahunan bermula tahun 2016 sehingga kini. Sebanyak 100 kotak kuih raya diagihkan kepada kesemua Pelabuhan-Pelabuhan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, manakala perwakilan IKMAL di Wilayah Sabah dan Sarawak menguruskan pengagihan di sana.

Program penghantaran kuih raya ini dilihat sebagai satu usaha bagi mengenang jasa pelaut yang bertugas siang dan malam bagi memastikan kelangsungan ekonomi negara tidak terganggu. Diharapkan dengan adanya kuih raya di atas kapal, pelaut juga dapat meraikan dan menikmati suasana Aidilfitri.



Sumbangan juadah berbuka puasa kepada warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan warga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta pihak RELA dan lain-lain petugas di MOT

5 Mei 2021

Sumbangan ini adalah bagi meraikan semua warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan JPJ serta RELA dan lain-lain petugas di MOT yang sedang menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan. Turut hadir mengiringi YB Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Ketua Setiausaha MOT, YBhg. Datuk Isham Ishak serta Setiausaha-Setiausaha Bahagian dan Ketua-Ketua Unit.



**LANJUT TEMPOH
SAH LESEN
PERKHIDMATAN AWAM
DAN PERDAGANGAN
DARI ANTARA 1-2 TAHUN
KEPAD A 3 - 5 TAHUN**

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
Menteri Pengangkutan Malaysia
[f wee ka siong](#) [@ drweekasiong](#)

Tempoh Sah Lesen Pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam Dan Kenderaan Perdagangan Dilanjutkan

7 Mei 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia menerusi Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh sah lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan perdagangan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sehingga lima (5) tahun. Sebelum ini, tempoh bagi pembaharuan lesen tersebut adalah dari satu (1) dan dua (2) tahun, mengikut kriteria yang diperlukan.

Yan, Kedah Diisytihar Sebagai Sebuah Pelabuhan

18 Mei 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mewartakan Yan, Kedah sebagai salah sebuah Pelabuhan pada 10 Mei 2021. Perisytiharan ini adalah di bawah Seksyen 5, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Suatu Had Pelabuhan juga telah diisyiharkan di dalam warta sama, yang melibatkan keluasan perairan 600km persegi dengan mengambil kira jarak sejauh lebih kurang 20 batu nautika dari pantai Yan di bawah Seksyen 6 Ordinan yang sama.



Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Wilayah Utara dengan merangka strategi pengembangan dan pembangunan sosio- ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah berhasrat untuk melakukan aktiviti perkapalan dan pembangunan di pesisiran Pulau Bunting yang terletak di Perairan Yan, Kedah.



Tempoh lanjutan lesen belajar memandu (LDL) selama sembilan (9) bulan bermula 11 Februari 2021 sehingga 11 November 2021

20 Mei 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia menerusi agensi di bawahnya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah memberi pelanjutan tempoh selama sembilan (9) bulan bagi Lesen Belajar Memandu (LDL) mulai 11 Februari 2021 sehingga 11 November 2021.

TEMPOH LANJUTAN LESEN BELAJAR MEMANDU (LDL) SELAMA 9 BULAN

BERMULA 11 FEBRUARI 2021 SEHINGGA 11 NOVEMBER 2021



Hanya buat salinan LDL bersama bayaran RM10.00 sekiranya LDL tamat tempoh melebihi 2 tahun atau tamat tempoh semasa PKP.

LAYAK



Pemilik LDL B2 Tunggal dibenarkan untuk transaksi memperbaharui lesen dengan bayaran RM2.00 bagi tempoh 3 bulan jika LDL masih mempunyai baki tempoh 2 tahun.



Bersama Hentikan Wabak COVID-19

Kapasiti 50% penumpang serta penyesuaian frekuensi perkhidmatan pengangkutan awam darat dan laut sepanjang tempoh PKP 3.0 mulai 25 Mei 2021

Untuk keterangan lanjut, hubungi:

LRT DAN MRT Tel : +603 - 7885 2585 E-mail : suggest@rapidkl.com.my www.myrapid.com.my Muat turun aplikasi PULSE oleh Protondrive	KTMB Tel : +603 - 2267 1200 E-mail : callcenter@ktmb.com.my www.ktmb.com.my Muat turun aplikasi MyGolikime oleh KTMB
KLIA EKSPRES Tel : +603 - 2267 8000 E-mail : CustomerEnquiry@KLIAekspres.com www.KLIAekspres.com	JABATAN LAUT MALAYSIA Tel : +603 - 3346 7520 / 7777 E-mail : khidmatpelangganan@marine.gov.my www.marine.gov.my

www.mot.gov.my


Kapasiti 50% penumpang dan penyesuaian frekuensi pengangkutan awam darat serta laut sepanjang tempoh PKP 3.0 mulai 25 Mei 2021

22 Mei 2021

Pengangkutan awam adalah perkhidmatan yang penting namun dalam tempoh ini, mengelakkan himpunan secara ramai dan mengurangkan pergerakan adalah perkara yang lebih utama. Oleh itu, MOT amat berharap orang ramai dapat bersabar dan memahami situasi sukar ini serta bersama-sama dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.


Perasmian Webinar Perkongsian Pengalaman Dalam Pembangunan High Speed Rail yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan United Kingdom

24 Mei 2021

Webinar ini menfokuskan kepada perkongsian pengalaman dan kepakaran pihak United Kingdom (UK) dalam pembinaan Projek High Speed 2 (HS2) yang sedang dilaksanakan di UK.

Antara topik yang telah dibentangkan adalah:

- i. Pengajaran utama yang diperoleh oleh pihak UK daripada Projek HS2;
- ii. Bagaimana strategi digital yang jelas pada permulaan projek dapat memastikan nilai terbaik (*best-value*) untuk Projek Mega.
- iii. Kepentingan dalam mendapatkan input pakar dalam aspek operasi dan penyelenggaraan pada tahap awal projek.





Nahas insiden LRT

26 Mei 2021

Menteri Pengangkutan, YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong turut bergegas ke lokasi kejadian dan segera menubuhkan Jawatankuasa Siasatan. Kecuaian manusia adalah salah satu punca, dan lain-lain faktor sedang diteliti. Orang ramai diminta bersabar dan tidak mensensasikan sesuatu berita tidak tepat serta memberikan ruang kepada Jawatankuasa Siasatan mengikut tertib.



Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF)

27 Mei 2021

Mesyuarat NLTF secara maya ini bertujuan bagi memantau pelaksanaan Pelan Induk Logistik & Fasilitasi Perdagangan dan mencari penyelesaian kepada isu-isu dalam industri logistik.



Mesyuarat tersebut membincangkan 4 Kluster Kumpulan Kerja (*Cluster Working Group* (CWG). Mesyuarat tersebut melibatkan kerjasama di antara Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan wakil daripada Persatuan Logistik.



Pengoperasian Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak

17 Jun 2021

Pembinaan Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak di lokasi baharu iaitu 7 kilometer dari pusat bandar Mukah, yang bermula sejak 11 Ogos 2017 bagi menggantikan STOLport Mukah dengan kapasiti baharu iaitu 265 ribu penumpang setahun telah siap

sepenuhnya dan telah memulakan operasinya mulai pada 17 Jun 2021. Lapangan Terbang Baharu Mukah ini telah memulakan operasinya dengan pendaratan pertama pesawat MASwings MH3553 DHC6 Vikings dari Miri pada jam 9.10 pagi dan penerbangan pertama MH3412 ke Kuching pada jam 9.30 pagi.



MOT, MOSTI Dan KKM Berkolaborasi Dalam Program Pemberian Vaksin Bagi Sektor Pengangkutan

25 Jun 2021

Program pertama pemberian vaksin bagi sektor pengangkutan telah bermula dengan program vaksinasi melalui PPV swasta sektor maritim pada 25 Jun 2021 yang dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) di Dewan Kelab Sukan LPK, Pelabuhan Klang, Selangor.



Program ini juga diadakan bersempena dengan sambutan Hari Pelaut Sedunia 2021 sebagai penghargaan kepada khidmat bakti pelaut. Program ini telah melibatkan seramai 10,000 pelaut dan petugas pelabuhan dengan kapasiti pengendalian PPV ini adalah 1,000 orang sehari. LPK juga bertindak sebagai penyelia bagi petugas pelabuhan manakala Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPL) melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyelia bagi pelaut.



Pelancaran Manual Sistem Pengurusan Antirasuah MOT

30 Jun 2021

Manual Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) Kementerian Pengangkutan Malaysia telah dilancarkan pada 30 Jun 2021 sebagai rujukan dan panduan kepada bahagian serta unit di Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi keperluan penyediaan dokumentasi ke arah mendapatkan pensijilan ABMS di mana manual ini merupakan keperluan wajib di bawah MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS).



Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan

26 Julai 2021

Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan diteruskan dengan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) terbaharu di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur.



Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia diiringi Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama Puan Noormah Mohd Noor, CEO ERL, Encik Mohd Rani Hisham Samsudin, CEO KTMB telah membuat lawatan ke PPVIN bagi sektor pengangkutan darat ini yang dikelolakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ruang fasiliti PPVIN di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral pula disediakan oleh Express Rail Link Sdn Bhd (ERL).

Program ini telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) pada 19 Julai 2021 dan ianya merupakan inisiatif bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Seramai 1,451 orang kakitangan KTMB termasuk anak syarikatnya, iaitu Multimodal Freight Sdn Bhd dan KTM Distribution serta 390 orang kakitangan ERL dan ERL Maintenance Support Sdn Bhd telah menerima suntikan vaksin di PPVIN Stesen KL Sentral. Mereka merupakan kakitangan barisan hadapan daripada pelbagai bidang kerja yang belum menerima suntikan vaksin dos pertama. Kakitangan KTMB yang telah menerima vaksin di PPVIN KL Sentral pula merupakan kakitangan dari Tanjung Malim hingga ke Gemas. Bagi kakitangan KTMB yang berada di luar PPVIN, mereka telah dibawa dengan menaiki tren khas untuk mendapatkan suntikan vaksin di KL Sentral.

Pelantikan Semula YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong, Sebagai Menteri Pengangkutan dan Pelantikan YB Dato Henry Sum Agong, Sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan

30 Ogos 2021

Selamat Datang YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia dan YB Dato Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan

Seluruh Warga Kerja Kementerian Pengangkutan (MOT) Agensi dan Jabatan ingin mengucapkan selamat kembali berkhidmat kepada YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong bersama keluarga MOT dan tahniah kepada YB Dato Henry Sum Agong atas pelantikan sebagai Timbalan Menteri MOT serta Selamat Datang kepada keluarga besar MOT.

Moga terus memacu Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam menyokong pemulihan ekonomi dan meneruskan program-program pembangunan melibatkan sektor pengangkutan darat, udara, logistik dan maritim.



Penyerahan Kunci Bangunan Ibu Pejabat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Di Atas Tanah Hak Milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

29 September 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyaksikan "Majlis Penyerahan Kunci Bangunan Ibu Pejabat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)" di atas tanah hak milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di Lot 33, Lorong Titiwangsa Kuala Lumpur. RAC amat berterima kasih

kepada GPMS yang telah bersetuju untuk memindahkan ibu pejabatnya ke lokasi baharu di Titiwangsa. Lot ibu pejabat GPMS yang sebelum ini telah dikenal pasti oleh RAC untuk digunakan secara komersial. Setelah perbincangan dan pertemuan serta perundingan secara berterusan di antara kedua-dua pihak, GPMS akhirnya bersetuju untuk berpindah melalui kaedah sewaan tanah sementara proses pajakan tanah diselesaikan di antara RAC dan GPMS. Bangunan ibu pejabat GPMS yang baharu kini telah siap direnovasi dan dibaik pulih sepenuhnya mulai 1 Oktober 2021.

Penyerahan replika (*mock-up*) kunci telah disampaikan oleh Encik Adam bin Abu Hanipah, Pengurus Besar RAC kepada Encik Alif Anas bin Md Noor, Presiden GPMS. Majlis penyerahan ini telah disaksikan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia. Turut hadir dalam majlis ini ialah Encik Ahmad Salman bin Ahmad Suhaimi, Setiausaha Agung GPMS dan Encik Hasanul Amir Abdul Halim, Ahli Majlis Tertinggi GPMS.



Sorotan Pakej Bantuan / Insentif Bagi Sektor Pengangkutan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

30 September 2021

PELAN JANA SEMULA EKONOMI (PENJANA)

My100 dan My50 kepada Insentif My30

Khusus kepada warganegara Malaysia berkuatkuasa pada 15 Jun 2020 untuk perjalanan tanpa had selama 30 hari bagi semua perkhidmatan rel dan bas RapidKL. Diteruskan sehingga 31 Disember 2021. Dikembangkan ke Pulau Pinang (RapidPenang) dan Kuantan (RapidKuantan).

penjana


Pelan Jana Semula Ekonomi Negara



Sorotan Pakej Bantuan / Insentif Bagi Sektor Pengangkutan (BELANJAWAN 2021)

1 Oktober 2021

B E L A N J A W A N



1. Insentif PAS Bulanan Tanpa Had KTMB – MyRail5
2. Pas perjalanan bulanan tanpa had dengan harga RM5.00 diperkenalkan untuk pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 serta golongan OKU. Mereka boleh menggunakan pas ini bagi perkhidmatan tren komuter Lembah Klang, Komuter Utara dan Shuttle Timuran (Kuala Lipis - Tumpat). Jika dahulu tambangnya secara purata adalah RM5.00 sehari, maka bermula pada 1 Januari 2021, tambangnya hanyalah RM5.00 sebulan
3. Kelangsungan Industri Pelancongan - RM 50 juta untuk latihan dan penempatan semula pekerja sektor penerbangan
4. Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti diperluaskan ke Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan
5. Pengecualian Cukai Jualan untuk pembelian bas yang disiapkan dalam negara sehingga 2022
6. Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan
 - a. Projek Lebuhraya Pan Borneo
 - b. Landasan Berkembar Elektrik Gemas-JB
 - c. Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 1
 - d. Sistem Transit Rapid Johor – Singapura
 - e. MRT Lembah Klang
 - f. Projek High Speed Rail (HSR)
7. Sistem Pengangkutan Bas Rapid Transit (BRT) di 3 laluan berkapasiti tinggi dan pembinaan laluan bas di Kawasan pembangunan Iskandar Malaysia



PEMERKASA+

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan



1
Bantuan one-off sebanyak
RM500.00
kepada pemandu teksi



2
Bantuan one-off sebanyak
RM500.00
kepada pemandu
e-hailing



3
Bantuan one-off sebanyak
RM500.00
kepada pemandu bas
sekolah



4
Bantuan one-off sebanyak
RM500.00
kepada pemandu bas
persiaran

Sorotan Pakej Bantuan / Insentif Bagi Sektor Pengangkutan (PEMERKASA+)

4 Oktober 2021

1. Bantuan one-off RM 500.00 untuk pemandu teksi
2. Bantuan one-off RM 500.00 untuk pemandu e-hailing
3. Bantuan one-off RM 500.00 untuk pemandu bas sekolah
4. Bantuan one-off RM 500.00 untuk pemandu bas persiaran





Lawatan Tapak Kemajuan Fasa Dua MRT Laluan Putrajaya

4 Oktober 2021

Menteri Pengangkutan, YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong telah meninjau keadaan di tapak pembinaan selepas lawatan pertama beliau pada April lalu, di mana kerja infrastruktur utama seperti terowong, stesen dan struktur lain sudah siap. Selebihnya kerja yang perlu disiapkan merangkumi perkhidmatan bangunan, kemasan seni bina, landskap dan lain-lain.



Melihat tahap kemajuan keseluruhan pada 93.52% ini, Fasa Dua Laluan Putrajaya ini dapat mula beroperasi seperti yang disasarkan pada Januari 2023.

Fasa Satu Laluan Putrajaya iaitu dari Stesen MRT Kwasa Damansara ke Stesen MRT Kampung Batu yang kini hampir 99.9% siap akan memulakan perkhidmatan operasi kurang daripada dua bulan lagi.

Apabila Fasa Satu bermula, rangkaian pengangkutan awam rel Lembah Klang akan diperluas dengan sembilan buah stesen baru seterusnya meningkatkan liputan ke kawasan baru seperti Damansara Damai, Bandar Sri Damansara, Kepong, Jinjang dan Kampung Batu.

Sorotan Pakej Bantuan / Insentif Bagi Sektor Pengangkutan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

5 Oktober 2021

1. Lesen Perubahan Sementara (LPS)

Selaras dengan peruntukan seksyen 44 dan 45, Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus (COVID-19) 2020 (Akta 829) yang membenarkan perubahan sementara penggunaan kenderaan perkhidmatan awam sebagai kenderaan barang atau e-Hailing di dalam usaha menjana pendapatan tambahan ketika mendepani impak COVID-19

2. Perlanjutan had usia kenderaan pengangkutan awam

Mana-mana kenderaan perkhidmatan awam yang mencapai had usia maksimum penggunaan kenderaan untuk tempoh bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 akan diberi perlanjutan secara automatik untuk satu tahun lagi

3. Perlanjutan tempoh pembaharuan lesen memandu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

4. Pengecualian caj tambahan bagi kenderaan lewat membaharui permohonan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)



BAJET 2022

Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera

Inisiatif Yang Akan Dilaksanakan Oleh Kerajaan Dalam Bajet 2022 Bagi Sektor Pengangkutan

31 Oktober 2021

MOT menyokong penuh usaha, terutamanya dalam sektor pengangkutan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi Bajet 2022 melalui beberapa inisiatif bertujuan mengukuhkan lagi kesejahteraan rakyat, menjamin kelangsungan perniagaan dan memastikan ketahanan ekonomi negara terus mantap di saat negara dan dunia masih mendepani ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

MOT telah diperuntukkan sebanyak RM5.58 bilion dalam Bajet 2022 yang akan digunakan untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus (RM1.527 bilion) dan Perbelanjaan Pembangunan (RM4.053 bilion) Kementerian.

PERUNTUKAN PEROLEHAN **20 KENDERAAN KAUNTER JPJ MOBILE** BAGI DIAGIHKAN KE SELURUH NEGARA



PERUNTUKAN SEBANYAK **RM 30 JUTA**

KEPADA RAKYAT DALAM GOLONGAN B40 UNTUK MENIKMATI REBAT ATAU INSENTIF BAGI PEMBELIAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK (CHILD RESTRAINT SYSTEM - CRS)



MENANGGUNG SEPENUHNYA BAYARAN **LESEN KENDERAAN MOTOR**

GOLONGAN OKU BAGI MERINGANKAN KOS SARA HIDUP



PERUNTUKAN SUBSIDI **RM 209 JUTA**

BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN UDARA LUAR BANDAR UNTUK MANFAAT PENDUDUK SETEMPAT DI KAWASAN PEDALAMAN SABAH DAN SARAWAK



PERUNTUKAN **100 BUAH KIOSK** DENGAN FASILITI LENGKAP KOMPUTER BERORIENTASI KELANGGAN DI UTC UNTUK DIAGIHKAN KE SELURUH MALAYSIA BAGI MEMUDAHKAN ORANG AWAM




PERUNTUKAN UNTUK MENERUSKAN **SUBSIDI**

BAGI PERKHIDMATAN TREN TIDAK EKONOMIK (TTE) DAN PROGRAM MYRAIL5 UNTUK MERINGANKAN BEBAN KEWANGAN GOLONGAN SASAR IAITU PELAJAR SEKOLAH DAN OKU




PERUNTUKAN SEBANYAK **RM 115 JUTA**

MELIPUTI PAS PERJALANAN BAS & REL TANPA HAD DENGAN HARGA RM50 SEBULAN UNTUK PENGGUNA DI LEMBAH KLANG & RM80 JUTA UNTUK DANA BANTUAN SEMENTARA BAS HENTI-HENTI



PENGECUALIAN CUKAI JALAN

BAGI KENDERAAN ELEKTRIK YANG MEMILIKI CIRI-CIRI ENERGY EFFICIENT VEHICLE (EEV)



Pelancaran Hub Platform Perdagangan Dunia Elektronik Cainiao Aeropolis

1 November 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Hub Platform Perdagangan Dunia Elektronik Cainiao Aeropolis atau *Cainiao Aeropolis Electronic World Trade Platform (eWTP) Hub* di KLIA.

Cainiao Aeropolis eWTP Hub berjaya mewujudkan hab e-dagang serantau selaras dengan matlamat kerajaan untuk meletakkan Lapangan Terbang Antarabangsa KL sebagai pusat serantau (RDC) bagi e-dagang. Ini adalah antara pelan tindakan yang digariskan untuk menjadikan KLIA sebagai hab kargo serantau yang terkemuka dan mengekalkan daya saingnya dalam operasi kargo udara.

Cainiao Aeropolis eWTP Hub bersama Kastam Diraja Malaysia telah menyediakan sistem pelepasan kastam yang hanya akan mengambil masa 1 jam 30 minit sahaja untuk disiapkan. Ini merupakan peningkatan yang besar berbanding sebelum ini yang mengambil masa antara 24 hingga 48 jam.



Pelancarkan AeroLicence

6 November 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah melancarkan AeroLicence MAVCOM iaitu sistem untuk memproses pelesenan komersial penerbangan di Malaysia. Ini juga penambahbaikan kepada Aplikasi FlySmart sedia ada di KLIA2.

Aerolicence terpakai kepada semua lesen dan permit udara yang dikeluarkan oleh MAVCOM, merangkumi Lesen Perkhidmatan Udara (ASL), Permit Perkhidmatan Udara (ASP), Lesen Operator Aerodrome (AOL), dan Lesen Pengendalian Darat (GHL).

Penyedia perkhidmatan penerbangan akan mendapat banyak manfaat daripada sistem baharu ini kerana ia membolehkan pemegang lesen mendaftar atau memperbaharui lesen sedia ada dengan lebih selamat, terjamin menerusi kaedah yang lebih mudah.

AeroLicence juga mengurangkan beban operasi penyedia perniagaan kerana ia tidak bergantung kepada keperluan untuk menyerahkan dokumentasi dan data-data berkaitan secara fizikal. Penyelesaian ini adalah tepat pada masanya dan perlu, bagi pengamalan pembudayaan norma baharu pada masa ini.





Majlis Sambutan 50 Tahun Malaysia - IMO

10 November 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah menjadi hos bagi Majlis Sambutan 50 Tahun Malaysia - Pertubuhan Maritim Antarabangsa Malaysia (IMO) yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.



Sehingga kini, Malaysia telah menyertai sebanyak 26 daripada keseluruhan 58 Konvensyen IMO, demi memastikan kedaulatan, keselamatan perkapalan serta perlindungan alam sekitar diutamakan di peringkat tempatan dan serantau. Majlis pada malam ini turut dihadiri oleh duta-duta dan wakil dari lebih 55 buah negara anggota IMO.

Di bawah IMO, Malaysia berhasrat untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam bidang ini dengan menggunakan pendekatan inklusif yang membawa semua negara ke arah Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pelancaran Aplikasi MyLogistik

18 November 2021

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Dr Ir Wee Ka Siong telah merasmikan Majlis Pelancaran Peta Geospatial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan yang berlangsung di Hotel Zenith, Putrajaya.

Peta Geospatial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan atau Aplikasi MyLogistik telah dibangunkan secara dalaman dengan kolaborasi bersama Pusat Geospatial Negara (PGN). MyLogistik merupakan pemetaan secara maya semua maklumat lokasi infrastruktur logistik yang merangkumi gudang, off-dock depot, stesen penguatkuasa, lapangan terbang, pelabuhan persekutuan, stesen kereta api, LCQS, jeti serta jaringan landasan kereta api dan jalan raya.



MyLogistik ini berfungsi sebagai pangkalan data geospatial yang dapat dijadikan sumber maklumat bersepadu yang mendukung *evidence-based planning* bagi mencapai pembangunan infrastruktur dan jaringan logistik lebih terancang, menyeluruh serta efisien.

Pelancaran Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan Malaysia 2021- 2025

18 November 2021



YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melancarkan secara virtual Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan Malaysia 2021- 2025.

Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2021-2025 yang berpaksikan kepada Dasar Pengangkutan Negara (DPN) telah disediakan untuk menyokong matlamat mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, inklusif dan mampan. Dalam usaha ini, pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan ekosistem pengangkutan negara berada di tahap terbaik. Sehubungan itu, Pelan Strategik ini akan bertindak sebagai pemangkin untuk menambah baik sistem pentadbiran Kementerian agar dapat memacu Malaysia untuk menjadi pesaing global dalam industri pengangkutan.



Pelancaran Pas Keluarga Malaysia

22 November 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob telah menaiki LRT dari Bangsar ke stesen KL Sentral dan seterusnya melancarkan Pas Keluarga Malaysia.

Pas Keluarga Malaysia yang merupakan inisiatif di bawah panji Keluarga Malaysia ini membolehkan seramai empat orang dalam satu kumpulan menikmati perjalanan menggunakan LRT, MRT, Monorel dan BRT di bawah RapidKL untuk satu hari tanpa had pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum dengan harga cuma RM15. Ini bermakna, pakej baharu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri hari ini akan membolehkan setiap penumpang menikmati perjalanan sepanjang hari dengan hanya RM3.75 mulai 1 Disember 2021.

YB Menteri Pengangkutan berharap agar Pas Keluarga Malaysia ini akan menggalakkan lebih ramai lagi menggunakan pengangkutan awam dan merangsang semula aktiviti ekonomi di sepanjang rangkaian pengangkutan awam di KL dan juga Selangor. Dalam masa yang sama, anak syarikat Prasarana iaitu Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) akan menawarkan "Pakej Transit untuk Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana" mulai bulan Mac 2022, dengan menawarkan lot perniagaan bersaiz antara 80 hingga ke 400 kaki persegi di beberapa stesen LRT bagi laluan Kelana Jaya dengan insentif seperti diskaun sewa. Butiran lanjut akan diumumkan tidak lama lagi oleh PRIDE.



Prestasi Pengendalian Kontena (TEUs) Di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Lepasi 10 Juta TEUs

23 November 2021

PTP telah berjaya dalam pengendalian kontena apabila mencapai 10 juta TEUs pada jam 7 pagi tadi. Ini sekaligus melepasi sasaran 9 juta TEUs dalam Aspirasi 2 di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 100 Hari Kementerian Pengangkutan Malaysia menerusi Teras 1 iaitu Menstruktur Semula Ekonomi Negara.

Berbanding tahun lepas, PTP mengendalikan 9.85 juta TEUs. Namun ketika ini kita belum pun melangkah ke penghujung tahun iaitu 31 Disember 2021 lagi namun telah berjaya melepasi 10 juta TEUs. Ini merupakan pencapaian terbaik yang pernah direkodkan sejak penubuhan PTP.

Pelancaran Buku Polisi-Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) & Kod Etika Dan Tatakelakuan MOT

24 November 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah melancarkan Buku Polisi-Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) & Kod Etika Dan Tatakelakuan MOT bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KTMB Berhad, Kuala Lumpur. Pelancaran buku polisi ini adalah sinonim dengan sambutan bulan November sebagai bulan Integriti.





Penyerahan Dokumen Laporan Jawatankuasa Siasatan Kemalangan LRT

26 November 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menghadiri acara penyerahan dokumen Laporan Jawatankuasa Siasatan Kemalangan LRT Tren 40 dan Tren 81 bersama-sama dengan pengurusan tertinggi Kementerian, ahli-ahli Jawatankuasa Siasatan serta Ketua-Ketua Eksekutif syarikat-syarikat operator rel iaitu Prasarana, KTMB, MRL, MRT Corp dan ERL.

Dalam majlis tersebut YB Menteri melahirkan kesedihan beliau terhadap kemalangan yang tragis tersebut dan mengingatkan semua pemain industri rel agar sentiasa mengekalkan standard keselamatan yang tinggi dalam operasi rel harian, sekaligus mengukuhkan keyakinan rakyat untuk terus menggunakan perkhidmatan rel sebagai mod pilihan.

Pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) Darat

29 November 2021

Setelah mengambil kira hasil perbincangan Pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) darat oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di Woodlands Checkpoint Singapura.

Rombongan Malaysia terdiri daripada Menteri Kanan MITI, DS Azmin Ali, Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah, Menteri Besar Johor Dato' Hasni Mohamad dan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia. Manakala, Kabinet Singapura diwakili oleh Menteri Kanan Teo Chee Hian, Menteri Luar Vivian Balakrishnan, Menteri Pengangkutan S. Iswaran, Menteri Perdagangan Gan Kim Yong.

Mulai hari ini, sebanyak 32 trip bas akan membawa seramai 2880 orang penumpang merentas Tambak Johor setelah sekian lama sempadan ditutup akibat pandemik COVID-19.

Mudah-mudahan dengan VTL ini, hubungan ahli keluarga dan persahabatan rakyat kedua-dua negara kembali erat selain memulihkan semula ekonomi.



Pemeteraian Perjanjian Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura serta pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin atau Vaccinated Travel Lane (VTL) Udara dan Darat

29 November 2021



Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak telah menghadiri Majlis Sempena Pemeteraian Perjanjian Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura serta pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin atau *Vaccinated Travel Lane (VTL)* Udara dan Darat di atas jemputan Menteri Pengangkutan Singapura, Mr S Iswaran. Turut mengiringi Mr S Iswaran adalah Mr Loh Ngai Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Singapura dan Mr Ng Lang, Ketua Eksekutif Pengguna Pengangkutan Darat atau *Land Transport Authority (LTA)* Singapura. Hadir sama, Encik Mohamad Radzuan Bin Mazlan, Setiausaha Bahagian Udara MOT. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura telah

memuktamadkan Perjanjian Antara Grantor bagi Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura ini pada 24 November 2021. Perjanjian ini adalah susulan daripada Perjanjian Konsesi yang telah dimeterai pada 30 Julai 2020 apabila Projek Laluan RTS berjaya disambung semula.

Dalam majlis yang penuh bersejarah ini telah berlangsung upacara simbolik pertukaran dokumen Perjanjian Antara Grantor Projek Laluan RTS Johor Bahru-Singapura oleh YBhg. Datuk KSU MOT bersama Mr Ng Lang serta pertukaran Perjanjian Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin atau *Vaccinated Travel Lane (VTL)* Udara bersama Mr Loh Ngai Seng sambil disaksikan oleh Menteri Pengangkutan kedua-dua negara.

Bermula 29 November 2021, perjalanan antara Malaysia dan Singapura turut diberi rangsangan dengan pelancaran VTL Udara dan VTL Darat. Pengembara yang telah lengkap vaksin akan dapat menikmati perjalanan tanpa kuarantin antara Malaysia dan Singapura.

Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur

1 Disember 2021

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyempurnakan Majlis Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur atau lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre (KL ATCC). Sepang pagi tadi diiringi Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong. Hadir sama, Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato Henry Sum Agong, Pengerusi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia atau *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)*, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), YBhg. Datuk Isham Ishak.



Dengan rekaan bangunan berbentuk layang-layang tradisional tempatan atau wau bersama sentuhan moden, KL ATCC bukan sahaja menempatkan operasi perkhidmatan trafik udara bagi seluruh ruang udara Semenanjung Malaysia, malah turut menempatkan Pusat Mencari Dan Menyelamat atau *Search And Rescue Negara*, serta *Joint Airspace Management Coordination Center* atau JAMCC.

Kejayaan pembangunan projek KL ATCC baharu ini adalah merupakan sebahagian daripada pencapaian Keluarga Malaysia yang amat membanggakan sekali. Berdasarkan kepada tenaga mahir tempatan yang telah digunakan dan juga ilmu yang ditimba dalam tempoh pelaksanaan projek KL ATCC baharu ini, tentunya ia menjadi satu aset yang penting untuk negara dalam memastikan kita mampu untuk berdiri sendiri dan seterusnya menyokong kemajuan serta pembangunan pelbagai industri lain.



Penyerahan Dokumen Seksyen C (Jajaran Utara)

2 Disember 2021

ECRL dengan sokongan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) hari ini telah memuktamadkan dan mempersetujui untuk menerima cadangan Jajaran Utara ECRL seterusnya meluluskan Jajaran Seksyen C ECRL yang melibatkan Seksyen C1 dari Mentakab ke Gombak dan Seksyen C2 yang merangkumi Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang.

Penjajaran semula ECRL ke jajaran asal dijalankan setelah MOT menyelia pelaksanaan ECRL, membuat penilaian semula jajaran ECRL dan mendapati ECRL akan lebih berdaya saing melalui jajaran asal bukan sahaja dari segi ekonomi malah dapat mengurangkan impak alam sekitar dan sosial.

Pembinaan ECRL juga dijangka memacu lagi pertumbuhan sektor pembinaan dan bahan binaan serta menyokong pengambilan tenaga kerja tempatan termasuk profesional, pekerja mahir dan pekerja am untuk aktiviti berkaitan pembinaan.



Perasmian Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak

4 Disember 2021

Detik bersejarah tercipta di bandar Mukah, Sarawak pada 4 Disember 2021 apabila Lapangan Terbang Baharu Mukah telah pun dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

Walaupun berdepan cabaran akibat pandemik COVID-19, namun Kementerian Pengangkutan Malaysia amat berbangga kerana Lapangan Terbang Baharu Mukah ini dapat mulakan operasinya pada 17 Jun lalu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Perasmian yang disempurnakan oleh YAB PM ini menandakan satu lagi kejayaan dilakar bagi menambah ketersambungan dan kebolehcapaian rakyat Sarawak dalam semangat Keluarga Malaysia. Projek Lapangan Terbang Baharu Mukah merupakan salah satu contoh keprihatinan pihak Kerajaan untuk memastikan keperluan dan kepentingan para penduduk sentiasa terpelihara. Projek ini dirancang bukan sahaja bertujuan untuk membolehkan kapasiti dan rangkaian pengangkutan awam di Sarawak dapat ditingkatkan, tetapi juga bertujuan untuk memberikan keselesaan dan pengalaman pengangkutan awam yang lebih baik kepada masyarakat setempat.

Ia bukan sekadar menggantikan Padang Terbang Mukah (STOLport) dengan lapangan terbang yang lebih besar, tetapi ia juga memiliki fasiliti yang lebih canggih, selamat, luas serta turut menempatkan Menara Kawalan Trafik Udara, Pejabat Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Metrologi (MET) dan Bangunan Jabatan BOMBA.





Pengiktirafan Anugerah Projek terowong Terbaik di London

8 Disember 2021

Infrastruktur pengangkutan rel Malaysia telah menerima satu lagi pengiktirafan dengan memenangi anugerah Projek Terowong Terbaik (nilai projek melebihi AS\$500 juta) daripada penerbitan berprestij United Kingdom (UK) iaitu New Civil Engineer (NCE).

Pengiktirafan yang dianugerahkan semasa Festival Terowong 2021 pada 8 Disember 2021 di London ini diberikan kepada Kerja Terowong dan Stesen Bawah Tanah Transit Aliran Massa Lembah Klang Laluan Putrajaya.

Anugerah ini menunjukkan keupayaan Malaysia untuk merealisasikan projek berpaksikan rakyat yang berubah mengikut masa yang menepati malahan melebihi jangkaan pelanggan sambil memajukan amalan terbaik industri. Ini termasuk penggunaan bahan yang mampan dengan usaha untuk meningkatkan kemahiran pekerja. Projek ini juga menggunakan pendekatan kolaboratif untuk menyampaikan kerja dimana walaupun berhadapan dengan pandemik global, setiap pihak yang terlibat dapat bekerjasama untuk menyelesaikan kerja tepat pada masanya dengan keputusan yang cemerlang.

Malaysia Telah Berjaya Dipilih Menduduki Kerusi Ahli IMO

10 Disember 2021

Malaysia telah berjaya dipilih menduduki satu daripada 20 kerusi sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi Kategori C dalam Perhimpunan IMO untuk penggal 2022-2023. Malaysia adalah salah satu daripada 27 Negara Anggota yang bersaing merebut 20 tempat, berbanding hanya 24 Negara Anggota IMO yang bertanding pada penggal sebelum ini.

Malaysia mendapat 128 undi daripada 159 undi dengan satu undi tidak sah, dan tiada yang berkecualian. Keputusan semasa sesi ke-32 Perhimpunan IMO yang bermula dari 6-15 Disember 2021 ini sekali gus menjadi kemenangan Malaysia buat penggal ke-9 berturut-turut. Ini juga merupakan detik bermakna buat negara sempena Ulang Tahun ke-50 Malaysia sebagai Negara Anggota IMO sejak tahun 1971. 2006-2007 merupakan penggal pertama kita menduduki Ahli Majlis IMO.

Usaha untuk memastikan negara mengekalkan kedudukan ini sudah bermula lama iaitu sejak pemilihan penggal lepas berakhir lagi dan di tengah-tengah pandemik melanda dunia. Ia diketuai oleh Bahagian Maritim Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke London demi memastikan kemenangan Malaysia yang juga merupakan penjaga Selat Melaka yang penting di dunia serta mengekalkan suara Malaysia untuk perbincangan mengenai hal ehwal maritim antarabangsa dan serantau.

Pemilihan ini juga adalah satu penghormatan dan tanggungjawab kepada Malaysia, tambahan pula industri perkapalan merupakan salah satu industri penting dalam pengangkutan barang di Malaysia serta memangkin pertumbuhan ekonomi negara. Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dan industri perkapalannya memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Kepentingan modal insan dalam industri perkapalan dan maritim juga akan mendapat manfaat hasil daripada pemilihan semula Malaysia ke Majlis IMO.



Program Pembangunan Pemandu Kenderaan Perdagangan MyLesen GDL 2.0

18 Disember 2021

Program Pembangunan Pemandu Kenderaan Perdagangan MyLesen GDL 2.0 Tahun 2021

Salah satu inisiatif di bawah Pelan Induk Logistik & Fasilitasi Perdagangan (*Masterplan*) dan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030 adalah untuk mengatasi masalah kekurangan pemandu kenderaan perdagangan dalam industri logistik.

Program ini menawarkan peluang pekerjaan terutama kepada rakyat yang terjejas akibat penularan wabak pandemik Covid-19 dan terbuka kepada semua calon warganegara Malaysia.



Melawat Mangsa-Mangsa Banjir di Stesen LRT Putra Heights

19 Disember 2021

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah sempat melawat mangsa-mangsa banjir di Stesen LRT Putra Heights yang dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Setakat jam 4 petang, 19 Disember 2021, terdapat seramai 22 orang mangsa dari Kampung Kuala Sungai Baru; Kampung Bukit Lanchung (14); dan Kampung Tengah (4). Pihak Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) turut mengagihkan sumbangan berupa barang keperluan kepada mangsa-mangsa banjir.

Semoga musibah banjir yang melanda banyak kawasan ketika ini segera surut dan mangsa-mangsa banjir dapat pulang ke rumah masing-masing dengan selamat.

Majlis Anugerah Kecemerlangan Kuala Lumpur International Logistics & Transport (KILAT)

21 Disember 2021

Kementerian Pengangkutan (MOT) Malaysia bersama EPL Exhibition Sdn Bhd telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Kuala Lumpur International Logistics & Transport (KILAT) buat julung kalinya dan ianya merupakan anugerah pertama bagi Industri Pengangkutan Malaysia.

YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia yang merasmikan acara tersebut menyatakan bahawa tujuan utama majlis anugerah ini diadakan adalah untuk mengiktiraf syarikat yang telah menyumbang kepada pertumbuhan industri pengangkutan dan logistik, serta ke arah pembangunan ekonomi negara.





Pelancaran Pembukaan Semula Industri Kruis

23 Disember 2021

Setelah Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi kelulusan ke atas pembukaan sektor ini pada 24 November 2021, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Penang Port Sdn. Bhd serta operator kruis telah bekerja keras untuk membuka semula industri ini secepat mungkin berdasarkan SOP yang telah ditetapkan.

Bukan itu sahaja, usaha keras telah dijalankan untuk pembukaan semula sektor pelayaran antarabangsa sebaik sahaja ianya selamat pada masa akan datang. Kelulusan ini turut menzhirikan hasrat dan komitmen Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara dengan kadar segera.

Diharapkan operasi kruis domestik ini dapat terus berjalan dengan lancar sekaligus dapat menarik lebih ramai pelancong untuk melancong ke dalam negara dengan menaiki kruis.

Pelancaran Pas Perjalanan Tanpa Had My50

27 Disember 2021

Pas Perjalanan Tanpa Had My50 (My50) dilancarkan untuk membantu memberikan sedikit kelegaan kepada penduduk Lembah Klang.

Pas perjalanan tanpa had bernilai RM50 sebulan untuk warganegara Malaysia bagi penggunaan perkhidmatan rel dan bas kendalian Prasarana Malaysia Berhad di Lembah Klang (LRT, MRT, Monorel, BRT, bas Rapid KL dan bas pengantara MRT) selama 30 hari berturut-turut.

Bagi Pulau Pinang, pas tanpa had My50 dipanggil Mutiara Pass, sah untuk semua perkhidmatan bas Rapid Penang. Pas Perjalanan Tanpa Had My50 sah dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

My50 menggantikan pas My30 yang diperkenalkan di bawah skim PENJANA pada Jun 2020 lalu dalam membantu orang ramai berdepan pandemik COVID-19. Peruntukan My50 merupakan inisiatif penting berikutan peranan pengangkutan awam dalam kehidupan sehari-hari ramai orang.

Diharapkan ia terus memberikan kelegaan kepada mereka yang terjejas akibat banjir dengan menjadikan pengangkutan awam lebih menjimatkan kos untuk mereka.



Pelabuhan Klang Pecah Rekod Dalam Pengendalian Kontena

29 Disember 2021

Pelabuhan Klang telah berjaya memecahkan rekod jumlah pengendalian kontena sebanyak 13.64 juta TEU setakat 28 Disember 2021. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti COVID-19 serta kesan kekurangan kontena, kesesakan pelabuhan dan yang terkini iaitu keadaan cuaca buruk, namun Pelabuhan Klang telah berjaya dan telah mencapai prestasi cemerlang dengan mengatasi rekod tahun 2019 sebanyak 13.58 juta TEU.



#**KELUARGA MALAYSIA**



Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel. : 03 8000 8000 · Faks : 03 8888 0158 · E-mel : aduan@mot.gov.my